



09 NOV, 2022

## Pemuda didakwa atas kesalahan salah guna dadah



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Pemuda didakwa atas kesalahan salah guna dadah

KUCHING: Seorang pemuda berusia 20 tahun dijatuhi hukuman denda RM3,400 atau lima bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, kelmarin selepas mengaku bersalah memiliki 8.82 gram kanabis.

Norazman Ali Zainal yang bekerja sendiri didakwa melakukan perbuatan tersebut sekitar jam 11.50 pagi di sebuah tempat letak motosikal di Batu 5, Jalan Matang di sini pada 29 Ogos lalu.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Sarawak menahan tertuduh di tempat tersebut susulan disyaki terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah berbahaya.

Hasil pemeriksaan ke atas beg silang milik tertuduh mendapat terdapat 13 peket plastik lutsinar berisi dedaun kering disyaki dadah jenis ganja (kanabis) dengan berat kasar 13.80 gram.

Semasa dalam tempoh siasatan, barang kes berkenaan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk ujian makmal dan laporan kimia mendapati bahan tersebut mengandungi 8.82 gram kanabis (berat bersih).

Oleh yang demikian tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 (akta 234) dan dihukum di bawah Seksyen 6 akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman denda RM20,000 atau penjara tidak kurang lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Adzmei Ahmad di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali. Tertuduh tidak diwakili peguam.



09 NOV, 2022

## Pemuda didakwa atas kesalahan salah guna dadah



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Seorang pemuda berusia 20 tahun dijatuhi hukuman denda RM3,400 atau lima bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, kelmarin selepas mengaku bersalah memiliki 8.82 gram kanabis. Norazman Aii Zainal yang bekerja sendiri didakwa melakukan perbuatan tersebut sekitar jam 11.50 pagi di sebuah tempat letak motosikal di Batu 5, Jalan Matang di sini pada 29 Ogos lalu.